

No. Ruj. : USM.38/3 Jld.XVIII
 Tarikh : 23 September 2019
 Kepada : Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan
 Pusat Pengajian/Pusat/Jabatan/Institut/Unit
 Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan/IPPT

Memorandum

Bangunan Canselori
 (Chancellory Building)
 11800 USM
 Pulau Pinang, Malaysia
 Tel : 04-6533888
 www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 27 TAHUN 2019 - PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dalam mesyuaratnya Ke-165 Bilangan 17/2019 pada 28 Ogos 2019 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 – Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Persekutuan.
- Untuk makluman YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, WBF adalah bermaksud masa bekerja yang fleksibel di mana staf diberi fleksibiliti untuk hadir bekerja dalam tempoh masuk waktu dan waktu pulang yang ditetapkan, dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari, tertakluk kepada kelulusan ketua jabatan. Pelaksanaan WBF ini tidak boleh menjejaskan fungsi dan perkhidmatan utama sesuatu PTJ.
- Berikut adalah jadual yang menerangkan secara terperinci pelaksanaan WBF kepada warga staf Universiti ini mengikut kampus dan hari :-

KAMPUS	HARI	WAKTU MASUK (PAGI)	WAKTU PULANG (PETANG)	* TEMPOH BEKERJA SEHARI
PULAU PINANG	Isnin – Jumaat	7.30 – 9.00	4.30 – 6.00	9 jam
KELANTAN	Ahad – Rabu	7.30 – 9.00	4.30 – 6.00	9 jam
	Khamis		3.00 – 4.30	7.5 jam

* **Termasuk waktu rehat (tengahari) selama 1 jam pada hari Isnin hingga hari Khamis (jam 1.00 tengahari – 2.00 petang) dan selama 2.5 jam pada hari Jumaat (jam 12.15 tengahari hingga 2.45 petang)**

- Pelaksanaan WBF ini akan berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2019 kepada staf pentadbiran dan pelaksana Universiti ini kecuali kepada kumpulan staf yang bertugas secara "shift".

...2/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 27 TAHUN 2019

- PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

6. Bersama ini dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan WBF USM untuk rujukan/perhatian YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan.
7. Pihak Universiti akan menjalankan kajian di penghujung tahun ini bagi mendapatkan dapatan dan pandangan daripada kesemua PTJ mengenai impak dan kesan pelaksanaan WBF ini.
8. Bagi melancarkan pelaksanaan WBF USM ini, sesi taklimat akan diberikan kepada kumpulan pentadbir di kesemua kampus secara berperingkat mulai 2 Oktober 2019. Dalam hal ini, pihak Universiti akan memaklumkan secara terperinci tarikh-tarikh sesi taklimat ini kepada kumpulan-kumpulan pentadbir terlibat dalam tempoh terdekat.
9. Mohon kerjasama pihak YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk menghebahkan perkara ini kepada semua staf di bawah seliaan YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MUSA ALI)

Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pengarah
Kampus Kejuruteraan / Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar
IPPT

Ketua Penolong Pendaftar
Jabatan Pendaftar
Kampus Kejuruteraan

Untuk hebahan dan tindakan pihak
tuan selanjutnya.